

Masyarakat patut dermakan sumber sel stem

RAMAI menyangka peranan Pusat Darah Negara hanya mengumpul dan memproses darah untuk menampung permintaan daripada hospital kerajaan dan swasta. Sebenarnya ia lebih daripada itu kerana sejak Julai 2002 peranan pengumpulan *cord blood* atau darah tali pusat diperkenalkan oleh institusi itu. Ia adalah sumber alternatif bekalan sel stem, selain tulang sum sum atau sumber lain. Perannya amat besar dalam membantu menyembuhkan penyakit terutama berkaitan dengan keturunan.

Pada asalnya pusat ini diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak Leukemia Thalassemia dan Sickle Cell Anaemia. Pemindahan sel stem antara kaedah merawat penya-

kit terbabit. Perkembangan bidang perubatan membolehkan saintis melakukan kajian sehingga sel stem dapat digunakan untuk membantu menyembuhkan penyakit berkaitan darah.

Menyedari besarnya peranan sel stem kepada manusia, kerajaan memulakan usaha untuk menubuhkan Tabung Darah Tali Pusat untuk memastikan kita mempunyai bekalan sel stem untuk merawat pesakit.

Setakat ini Malaysia mempunyai dua pusat pengumpul dan pemrosesan darah tali pusat. Pusat utama di Jalan Tun Razak, di ibu negara manakala kedua di Alor Star, Kedah. Pusat ini mengumpul darah tali pusat selepas mendapat persetujuan ibu yang bakal melahirkan bayi.

Pengarah Pusat Darah Negara, Dr Roshida Hassan, berkata darah tali pusat dilihat sebagai sumber alternatif untuk mendapatkan sel stem. Malah sejak penubuhan pusat itu, pihaknya berjaya mengumpul hingga 8,000 unit darah tali pusat yang sudah disaring dan selamat digunakan.

"Kita berusaha untuk mendapatkan darah tali pusat kerana ia antara sumber sel stem. Pada kelazimannya ia dibuang begitu saja setiap kali ibu melahirkan bayi. Apabila uri keluar, tali pusat keluar bersamanya dan dalam tali pusat itu mengandungi banyak darah dan sel stem. Ia harus dimanfaatkan bukan dibuang," katanya yang mengakui New York Club Centre antara pe-

ngumpul awal yang menyedari pentingnya usaha itu.

Katanya, ia usaha kerajaan untuk mewujudkan Tabung Darah Tali Pusat kerana jika mahu mendapatkan bekalan darah tali pusat dari luar negara menelan kos sangat tinggi. Pada 2001, usaha mendapatkan satu unit darah tali pusat menelan belanja RM25,000 dan harganya kini pastinya berlipat kali ganda.

Dr Roshida berkata, menerusi Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan bercadang menubuhkan lebih banyak pusat pengumpulan darah tali pusat untuk menampung permintaan penderma di seluruh negara. Pusat sedia ada hanya mampu menyediakan perkhidmatan pengumpulan menerusi Hospital Umum

Kuala Lumpur (HKL). Tambahan pula waktu perkhidmatan agak terhad iaitu antara jam 7 pagi hingga 8 malam saja.

“Setakat ini kami mempunyai tenaga kerja agak terhad. Oleh itu, kami tidak mampu untuk menawarkan khidmat pengumpulan di hospital lain. Waktu juga agak terhad kerana kekurangan kakitangan. Pengumpulan hanya dilakukan dengan kebenaran ibu yang bakal melahirkan anak.

“Mereka diminta untuk mengisi borang sebelum kelahiran bayi. Sebaik saja bayi dilahirkan kakitangan kami mula melakukan tugas mereka,” katanya yang berharap sumbangan berterusan darah tali pusat daripada masyarakat.



Dr Roshidah Hassan